

**PENUBUHAN PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR SEBAGAI
PEMANGKIN EKONOMI PENDUDUK LUAR BANDAR
KAJIAN KES: PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR, KELANTAN.**

NUR ATIQAH BINTI AZIZ

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian syarat
penganugerahan Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

Januari, 2013

DEDIKASI

Buat Suami tersayang, **Ahmad Sabri bin Yusof**

Buat Anak tercinta, **Dhia Zahra Sofiyya**

Buat Keluarga yang banyak membantu

Ayah, **Aziz bin Mohd Yasin** dan emak, **Zalina Binti Mustafa**

&

Ayah Mertua, **Yusof bin Awang** dan emak mertua, **Teh @ Zaleha binti Ngah**

yang selalu memberi sokongan dan bantuan kewangan

Buat adik-adik, adik ipar, kakak ipar tersayang

yang menjadi semangat untuk meneruskan perjuangan ini.

Buat atuk, nenek dan saudara-saudara yang sentiasa memberi semangat, dorongan

dan bantuan

Buat sahabat yang sentiasa berada disisi dan banyak membantu...

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Puan Ainur Zaireen Zainudin dan selaku penyelia tesis saya yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat dalam menyiapkan penulisan ini. Dengan bantuan beliau penulisan Projek Sarjana ini dapat dilaksanakan seperti yang dikehendaki dan berada di landasan yang betul.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada ahli panel yang terlibat secara langsung di dalam penulisan ini iaitu En. Abd. Halim Hamzah dan Dr. Mohd Nadzri Bin Jaafar yang telah banyak memberikan panduan dan teguran di dalam menghasilkan penulisan ini

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Ketua Blok 3, En. Rosli Che Yusuf serta peserta-peserta RTC yang memberikan kerjasama untuk mendapatkan maklumat bagi projek ini.

Akhir sekali, ribuan terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan yang banyak memberikan dorongan dan sokongan dalam menyempurnakan penulisan ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pembangunan luar bandar adalah satu proses untuk memajukan kawasan luar bandar serta membantu dalam meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar. Di bawah Dasar Transformasi Nasional, telah diperkenalkan satu program khusus untuk masyarakat luar bandar iaitu Program Transformasi Luar Bandar (RTP). Penubuhan Pusat Transformasi Luar Bandar adalah merupakan satu strategi bawah RTP untuk membantu dalam meningkatkan ekonomi serta taraf hidup penduduk luar bandar. Kawasan kajian ini adalah merupakan RTC kedua yang ditubuhkan iaitu RTC di Kelantan. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk memahami konsep pembangunan luar bandar yang diperkenalkan di bawah RTC , mengenalpasti masalah yang dihadapi sebelum dan selepas menyertai RTC dan mengkaji kesan penubuhan RTC. Bagi mencapai objektif ini, pendekatan kaedah kualitatif dengan melakukan temubual terhadap peserta RTC serta agensi pelaksana yang terlibat. Hasil kajian mendapati bahawa RTC dapat membantu meningkatkan ekonomi penduduk luar Bandar.

ABSTRACT

Rural development is a process to develop rural areas and help in improving the economy of the rural population. Under the National Transformation Policy, a special program has been introduced for rural communities namely Rural Transformation Program (RTP). The establishment of Rural Transformation Centre is a strategy under RTP to assist in improving the economy and living standard of the rural population. This study area is the second RTC established in Kelantan. This study was carried out to understand the concept of RTC, to identify problems before and after joining the RTC and to investigate the effect of the establishment of RTC. To achieve these objectives, a qualitative approach through an interview with RTC participants and agencies has been employed. The result shows that RTC is capable to boost the economy of the rural population.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
1	Pengenalan	
	1.1 Latar Belakang	1
	1.2 Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	6
	1.4 Objektif	6
	1.5 Skop Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.6.1 Capaian Ilmu	8
	1.6.2 Pihak Kerajaan	8
	1.6.3 Agensi Yang Terlibat	9
	1.6.4 Penduduk Luar Bandar	9
	1.6.5 Pelajar	10
	1.7 Susunan Bab	11

2 PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

2.1	Latar Belakang	12
2.2	Pembangunan Luar Bandar : Satu Pengenalan	12
2.3	Teori Pembangunan Luar Bandar	16
2.4	Faktor Kemunduran Luar Bandar	17
2.5	Dasar-Dasar Pembangunan Luar Bandar	21
2.6	Masalah Dasar Pembangunan Luar Bandar Terdahulu	23
2.7	Dasar Transformasi Nasional	25
2.8	Program Transformasi Luar Bandar	28
2.9	Pusat Transformasi Luar Bandar	30
	2.9.1 Inisiatif-inisiatif di bawah RTC	32
2.10	Rumusan	38

3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Latar Belakang	39
3.2	Peringkat Awalan	40
3.3	Peringkat Kajian Literatur	42
3.4	Peringkat Pengumpulan Data	45
3.5	Peringkat Analisis Data	48
3.6	Peringkat Kesimpulan dan Cadangan	50
3.7	Rumusan	51

4 PUSAT TRANSFORMASI LUAR BANDAR, KELANTAN

4.1	Latar Belakang	52
4.2	Program Transformasi Luar Bandar	52
4.3	Pusat Transformasi Luar Bandar	55
	4.3.1 Penubuhan Medan InfoDesa	57
	4.3.2 Penambahbaikan Prasarana	58
4.4	Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Kelantan	60
	4.41 Jenis Produk Yang Di niagakan	62
	4.42 Kemudahan Asas dan Utiliti	63

4.43	Penglibatan Pelbagai Agensi	64
4.44	Aktiviti-aktiviti Lain	66
4.5	Peranan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	70
4.6	Peranan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	70
4.7	Rumusan	71

5 ANALISIS KAJIAN

5.1	Pengenalan	72
5.2	Responden Terlibat	72
5.2.1	Responden Di Kalangan Agensi Pelaksana	75
5.2.2	Responden Di Kalangan Peserta RTC Kelantan	75
5.3	Hasil Analisis Kajian	75
5.3.1	Peranan dan Fungsi Agensi Pelaksana	76
5.3.2	Masalah Yang Dihadapi Sebelum Menyertai RTC	79
5.3.3	Masalah yang dihadapi oleh selepas Menyertai RTC	81
5.3.4	Kesan Penubuhan RTC Terhadap Penubuhan Ekonomi Peserta RTC	84
5.4	Rumusan	88

6 CADANGAN DAN KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	89
6.2	Hasil Kajian	89
6.2.1	Objektif Pertama : Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh peserta sebelum dan selepas menyertai RTC	90
6.2.2	Objektif Ketiga : Mengkaji Kesan Penubuhan RTC Terhadap Ekonomi Peserta RTC	91
6.3	Cadangan Penyelesaian Kepada Masalah	92
6.3.1	Kepada Pihak Kerajaan dan Swasta	93
6.3.1.1	Promosi Ke atas RTC, Kelantan	93
6.3.1.2	Menyediakan Hentian Bas	93
6.3.1.3	Fasad Bangunan	93

6.3.1.4	Penglibatan Yang Menyeluruh	93
6.3.1.5	Kepelbagaian Aktiviti Promosi	94
6.3.1.6	Kerjasama Semua Agensi Kerajaan	94
6.3.1.7	Kepelbagaian Jenis Perniagaan	94
6.3.2	Cadangan Kepada Peserta-peserta	94
6.3.2.1	Perancangan	94
6.3.2.2	Ilmu Pengetahuan	95
6.3.2.3	Promosi	95
6.3.2.4	Kreatif	95
6.3.2.5	Sikap Profesional	96
6.3.2.6	Mempelbagaikan Aktiviti Perniagaan	96
6.4	Limitasi Kajian	96
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	97
6.6	Kesimpulan	97
BIBLIOGRAFI		99
LAMPIRAN		101

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Pendapatan Garis Kemiskinan Purata Mengikut Negeri 2009	4
1.2	Susunan Bab	10
4.1	Lima Program di bawah RTP	53
4.2	Senarai Mini RTC di Perak dan Kelantan	58
4.3	Senarai Jenis Produk	62
4.4	Senarai Aktiviti Bermula Jan-Ogos	67
5.1	Responden Yang Ditemubual	73
5.2	Analisis Peranan Agensi Pelaksana	76
5.3	Masalah Yang Dihadapi Sebelum Menyertai RTC	79
5.4	Masalah Yang Dihadapi Selepas Menyertai RTC	81
5.5	Kesan Penubuhan RTC Terhadap Ekonomi Peserta RTC	84

SENARAI RAJAH

NO.RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Aktiviti RTP	28
3.1	Peringkat Awalan.	42
3.2	Peringkat Literatur	44
3.3	Peringkat Pengumpulan Data	47
3.4	Peringkat Analisis Data	49
3.5	Peringkat Kesimpulan & cadangan	50
4.1	Pelan Susunatur RTC Kelantan	61
4.2	Jenis Produk	63
5.1	Aktiviti Pembuatan Pes Tempoyak	85
5.2	Aktiviti Pembidaan Ternakan	87

SENARAI SINGKATAN

RFN 2	Rancangan Fizikal Negara 2
PPD	Pusat Pertumbuhan Desa
RTC	Rural Transformation Centre
RTP	Rural Transformation Program
DTN	Dasar Transformasi Nasional
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DWN	Dasar Wawasan Negara
FAMA	Federal Agriculture Marketing Authority
MOA	Minister of Agriculture
KKLW	Kementerian Kemajuan LuarBandar dan Wilayah

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN

A

TAJUK

Borang Temu Bual Peserta

B

Borang Temu Bual Agensi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Luar bandar merupakan satu kawasan yang dikenali sebagai satu kawasan yang mundur dan kurang mendapat kemajuan seiring dengan kawasan bandar. Luar bandar juga dikenali sebagai satu tempat yang mempunyai infrastruktur yang kurang dan tidak lengkap dan menyebabkan penduduk luar bandar tidak menerima arus permodenan seperti penduduk di kawasan bandar.

Keperluan dan kepentingan dalam penyediaan pembangunan kawasan luar bandar adalah merupakan satu langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menjadikan kawasan luar bandar sebagai satu kawasan yang mempunyai keistimewaan dan keunikan yang tersendiri di samping bagi membantu dalam menonjolkan sumber-sumber yang ada di kawasan luar bandar tersebut. Ini kerana, kawasan luar bandar amat dikenali sebagai kawasan yang mempunyai sumber dan hasil asli yang sangat unik dan estetik.

Dengan itu, pembangunan luar bandar merupakan satu agenda oleh kerajaan dalam membangunkan dan memajukan kawasan luar bandar agar dapat menangani masalah kemunduran dan kemiskinan kawasan luar bandar. Data perangkaan pada tahun 2010 menunjukkan bahawa kawasan luar bandar didiami oleh seramai 8.2 juta penduduk atau 29 % daripada jumlah penduduk Malaysia yang berjumlah 28.33 juta. Jumlah ini adalah termasuk mereka yang mendiami 15,507 kampung yang mempunyai Jawatan Kuasa Kampung-Kampung (JKKK) melibatkan 82 daerah di semenanjung, 33 daerah di Sabah dan 29 daerah di Sarawak. Manakala berdasarkan

dari jumlah penduduk di kawasan luar bandar tersebut, sebanyak 39.9 peratus atau 3.28 juta penduduk merupakan golongan muda yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 39 tahun. Berdasarkan kepada perangkaan tersebut, jelas dapat dilihat bahawa kawasan luar bandar atau desa mempunyai tenaga kerja yang produktif di dalam membantu mempertingkatkan potensi untuk menjana ekonomi penduduk luar bandar.

Menyedari akan hakikat ini, seluruh negara di dunia yang terdiri daripada pihak kerajaan serta dibantu oleh agensi-agensi swasta kini bertungkus lumus dalam membantu mewujudkan program bagi meningkatkan dan memajukan taraf hidup serta ekonomi penduduk luar bandar. Menurut Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Razak, pelaksanaan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) merupakan satu fasa pembangunan luar bandar yang terakhir pembangunan luar bandar di negara kita. Oleh itu, pengwujudan RTC merupakan satu agenda kerajaan dalam membantu meningkatkan ekonomi dan taraf hidup penduduk luar bandar.

Menurut Menteri di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), pengwujudan RTC ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan dalam memperhebatkan pembangunan luar bandar dan pelaksanaan RTC ini akan dilaksanakan secara komprehensif seiring dengan wawasan Perdana Menteri bagi mendahulukan kepentingan rakyat luar bandar. Pengwujudan dan pelaksanaan RTC ini merangkumi kesemua aspek, dimana bukan sahaja tertumpu kepada usaha untuk menyediakan kemudahan infrastruktur seperti bekalan air, elektrik dan juga kemudahan jalan kampung sahaja, namun turut membantu penduduk luar bandar bagi meningkatkan ekonomi mereka. Pendekatan yang digunakan ini dapat membantu dalam meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar tanpa mengira bangsa dan keturunan, sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan penduduk luar bandar.

1.2 **Penyataan Masalah**

Kadar kemiskinan merupakan salah satu ciri terpenting bagi menunjukkan tahap kemunduran penduduk di sesuatu kawasan. Pengukuran garis kemiskinan dan pemantauan tren kadar kemiskinan merupakan maklumat berguna kepada pembuat keputusan untuk merancang dan melaksanakan strategi bagi menangani masalah-masalah berkaitan pembangunan manusia seperti pendidikan, kesihatan, peluang-peluang pekerjaan dan lain-lain pengukuran. Kadar kemiskinan diukur menggunakan garis kemiskinan tertentu untuk menggambarkan keadaan ekonomi dan sosial sesuatu tempat. Jadual 1.1 merupakan statistik pendapatan garis kemiskinan purata mengikut negeri :-

Berdasarkan kepada statistik tersebut, jelas dapat dilihat kadar kemiskinan yang tinggi diseluruh negara di mana jumlah pendapatan yang paling rendah yang dikira sebagai miskin adalah sebanyak RM690 iaitu di Perak dan Perlis, manakala jumlah pendapatan yang tertinggi dikira sebagai miskin adalah sebanyak RM1050 iaitu di Sabah. Ini jelas bahawa pendapatan yang mencecah RM1000 juga telah dikira sebagai miskin disebabkan oleh berlakunya peningkatan nilai matawang serta kenaikan taraf hidup yang disebabkan oleh arus permodenan yang pesat.

Jadual 1.1: Pendapatan Garis Kemiskinan Purata Mengikut Negeri Tahun 2009

Negeri	Miskin (RM)	Miskin Tegar (RM)
Johor	750	460
Kedah	720	450
Kelantan	740	500
Melaka	760	460
N.Sembilan	720	450
Pahang	760	490
P.Pinang	780	450
Perak	690	440
Perlis	690	440
Selangor	810	470
Terengganu	830	560
Sabah	1050	630
Sarawak	910	590
W.Persekutuan	820	430
K.Lumpur		
W.Persekutuan Labuan	960	560
W. Persekutuan	820	420
Putrajaya		
Malaysia	800	490

(Sumber : Seksyen Pengagihan, UPE 2011)

Oleh itu, kerajaan telah melakukan pelbagai alternatif dalam memajukan kawasan luar bandar. Di antara program luar bandar yang diwujudkan oleh kerajaan adalah seperti program Satu Daerah Satu Industri, agropolitan, program inap desa, industri asas tani, industri kotej, kraftangan dan agro pelancongan bagi meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar. Di dalam Rancangan Fizikal Negara Kedua (RFN2) terdapat penerangan mengenai pembangunan luar bandar serta Pusat Pertumbuhan Desa yang perlu dibangunkan agar masyarakat boleh menikmati pendapatan yang lebih tinggi dan kualiti hidup yang lebih baik. Pusat pertumbuhan desa adalah satu

unit yang menjalankan pelbagai aktiviti bagi kawasan luar bandar dari pelbagai sektor.

Namun begitu, di dalam Rancangan Fizikal Negara juga menyatakan bahawa Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) sedia ada perlu dikaji semula dan pelaksanaan program-program pemajuannya perlu dipercepatkan, Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan perlu mengenalpasti peranan PPD adalah sebagai satu pusat perkhidmatan luar bandar yang efektif.

Selain dari itu, permasalahan dalam membangunkan kawasan luar bandar juga menjadi salah satu punca kepada kegagalan serta kurang berkesan terhadap pelaksanaan program-program luar bandar. Antara isu serta cabaran yang perlu dihadapi dalam membangunkan kawasan luar bandar adalah (PIPLB, 2010):

- i. Perubahan Minda Penduduk Luar Bandar
- ii. Nilai Masyarakat Desa
- iii. Kepimpinan Desa
- iv. Peluang Pekerjaan Yang Kurang Menarik
- v. Peluang Aktiviti Keusahawanan Yang Terhad
- vi. Masalah Tanah
- vii. Nilai Tambah Yang Rendah
- viii. Kebergantungan Kepada Buruh Asing
- ix. Saiz Penempatan Luar Bandar Yang Bertaburan Dan Kecil
- x. Kurang Kemahiran Dan Tahap Pendidikan Yang Rendah
- xi. Pertindihan Agensi Dan Fungsi- Ketidakcekapan Dan Pembaziran Sumber.

Program Transformasi Luar Bandar (RTP) yang merupakan salah satu program yang diperkenalkan di dalam Dasar Transformasi Nasional (DTN) yang dilancarkan oleh YAB Dato' Seri Najib. Penubuhan RTC adalah merupakan salah satu program yang diperkenalkan di bawah RTP dimana penubuhan RTC ini adalah untuk menjayakan lagi program transformasi luar bandar. Penubuhan RTC ini adalah merupakan program yang utama dan membangunkan kawasan luar bandar secara menyeluruh. RTP merupakan pelengkap kepada program transformasi menyeluruh

negara yang bertujuan untuk mentransformasikan kawasan luar bandar supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat.

Oleh itu, walaupun telah banyak program untuk pembangunan luar bandar banyak dilakukan. Persoalannya, bagaimanakah RTC dapat membantu dalam menyelesaikan permasalahan penduduk luar bandar dari segi ekonomi mereka.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengetahui samaada pelaksanaan RTC itu dapat membantu penduduk luar bandar dalam menangani masalah luar bandar serta mengurangkan masalah kemunduran serta kemiskinan penduduk luar bandar dari sudut ekonomi.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut, iaitu:

- i. Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh peserta-peserta RTC sebelum dan selepas menyertai RTC; dan
- ii. Mengkaji kesan penubuhan RTC terhadap ekonomi peserta RTC.

1.5 Skop Kajian

Daripada pemerhatian dan pembacaan penulis, kajian mengenai pembangunan luar bandar sudah banyak dilakukan, namun fokus dalam kajian mereka adalah berbeza. Sebagai contoh, satu kajian daripada Nurul Ayumi Azman

(2009) mengenai Keberkesanan dasar pusat pertumbuhan desa (PPD) dalam rancangan struktur negeri Terengganu (RSNT), kajian kes bagi kajian ini adalah Kampung Penarik, Setiu. Hasil kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana keberkesanan dasar berkaitan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) dalam Rancangan Struktur Negeri Terengganu (RSNT). Manakala satu lagi kajian mengenai pembangunan luar bandar iaitu hasil kajian oleh Mohd Koharuddin bin Mohd Balwi mengenai Pembangunan Luar bandar Di Malaysia: Gerakan Desa Wawasan (GDW) sebagai mekanisme pembangunan masyarakat luar bandar. Kajian membincangkan mengenai usaha pembangunan masyarakat luar bandar sebagaimana digariskan dalam falsafah baru pembangunan luar bandar atau dikenali juga sebagai Transformasi Kedua Luar Bandar dimana Gerakan Desa Wawasan dilihat sebagai satu mekanisme untuk menimbulkan kesedaran bagi melakukan perubahan paradigma, sikap, amalan dan aspirasi di kalangan masyarakat di desa yang selari dengan matlamat transformasi kedua pembangunan luar bandar dan Wawasan 2020.

Terdapat banyak kajian mengenai pembangunan luar bandar dibuat, namun kajian lebih mengfokuskan kepada Program Pembangunan Luar Bandar pada peringkat terdahulu. Maka kajian ini dibuat bagi melihat isu dari aspek corak perubahan pembangunan yang dilakukan terhadap kawasan luar bandar dimana kajian ini mengfokuskan kepada program-program pertanian yang dilaksanakan di bawah RTC yang membantu dalam menyelesaikan masalah pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar. Skop kajian ini akan lebih menumpukan kepada pengusaha dan peniaga di bawah RTC bagi membantu meningkatkan ekonomi mereka.

1.6 Kepentingan Kajian

Melalui penghasilan kajian ini, maka diharapkan satu gambaran yang jelas dapat dihasilkan mengenai konsep pembangunan luar bandar didalam membantu meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar. Oleh yang demikian, kajian ini dijangkakan dapat memberi manfaat kepada lima (5) kelompok utama, iaitu:

- i. Capaian Ilmu
- ii. Pihak Kerajaan;

- iii. Agensi yang terlibat;
- iv. Penduduk Luar Bandar; dan
- v. Pelajar.

1.6.1 Capaian Ilmu

Setiap kajian yang dilakukan memberi faedah kepada ilmu pengetahuan dimana kajian ini untuk memahami dasar dan juga amalan mengenai pengurusan sumber tanah luar bandar di Malaysia. Selain daripada itu, hasil kajian ini membantu dalam mencari kriteria pengurus dan pentadbir luar bandar yang baik bagi memampakan lagi pembangunan luar bandar. Hasil daripada kajian ini juga dapat membantu dalam memperolehi pengetahuan dan juga dapat melihat perbandingan di antara program-program luar bandar di dalam negara kita. Dengan kajian ini juga dapat mengenalpasti permasalahan yang timbul dalam membangunkan kawasan luar bandar selain daripada mengenalpasti juga sumber-sumber tanah yang terdapat di kawasan luar bandar. Selain daripada itu, kajian ini juga dapat membantu dalam memahami konsep yang digunakan dalam membangunkan kawasan luar bandar dan memberi penjelasan yang jelas mengenai peranan agensi dan peserta yang terlibat.

1.6.2 Pihak Kerajaan

Pihak kerajaan merupakan pembuat dasar dan pelaku utama yang memainkan peranan dalam merancang serta mengawal hala tuju sesebuah pembangunan luar bandar. Malah, keperluan untuk mencapai matlamat ke arah konsep pembangunan luar bandar yang dapat meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar menjadi satu agenda kerajaan dalam memberi satu taraf hidup dan ekonomi yang tinggi kepada penduduk luar bandar. Berdasarkan kajian ini, maka pihak kerajaan dapat melihat konsep pembangunan luar bandar ini sebagai satu teras yang baik dalam meningkatkan ekonomi negara berdasarkan kepada sumber semulajadi yang menjadi teras kepada ekonomi penduduk luar bandar. Rujukan terhadap negara-negara lain mengenai konsep pembangunan luar bandar yang diamalkan di negara mereka dapat

memberi satu gambaran yang jelas mengenai konsep dan pelaksanaan di dalam meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar.

Pembangunan luar bandar dilihat sebagai satu agenda politik kerajaan dalam meningkatkan dan memajukan ekonomi serta taraf hidup penduduk luar bandar, ia dilihat juga sebagai satu usaha kerajaan bagi membantu penduduk luar bandar agar tidak terus mundur dan membangun seiring dengan kehendak Perdana Menteri dimana keutamaan pembangunan diberikan kepada penduduk luar bandar dan pembangunan yang melibatkan pelbagai sektor.

1.6.3 Agensi yang terlibat

Pelbagai agensi yang penting yang terlibat bagi membangunkan kawasan luar bandar dimana peranan setiap agensi sangat penting dalam membantu pihak kerajaan dalam memastikan kejayaan terhadap pembangunan kawasan luar bandar. Agensi-agensi tersebut memberi sokongan dan bantuan kepada penduduk luar bandar dan dilihat memberi sokongan kepada usaha kerajaan dalam membangunkan kawasan luar bandar. Oleh itu, hasil kajian ini akan dapat membantu pelbagai agensi yang terlibat dalam memainkan peranan mereka dalam membantu kerajaan.

1.6.4 Penduduk Luar Bandar

Melalui pencapaian objektif kajian yang ketiga, maka penilaian penerimaan penduduk terhadap Perlaksanaan Pusat Transformasi Luar Bandar berkaitan perkembangan sosial dan ekonomi mereka akan dikaji dan diteliti. Hal ini untuk membolehkan satu konsep perumahan yang selesa dan memenuhi kepuasan mereka dapat dilaksanakan pada masa akan datang. Malah melalui respon dan maklum balas yang diterima akan menyumbang ke arah penambahbaikan taman atas bumbung khususnya dalam sektor perumahan negara.

Dengan penghasilan kajian ini juga, maka penduduk kawasan luar bandar yang terlibat di dalam program transformasi ini dapat memahami dengan lebih

mendalam mengenai usaha kerajaan dalam membantu meningkatkan taraf kehidupan mereka dan secara tidak langsung membantu dalam memperluaskan sumber ekonomi mereka. Secara tidak langsung, hal ini akan memupuk kesedaran dan memberi kefahaman kepada mereka mengenai usaha kerajaan ini.

1.6.5 Pelajar

Berdasarkan situasi negara kini, isu pembangunan luar bandar dilihat sebagai pemangkin ekonomi negara berdasarkan kepada penumpuan pembangunan luar bandar oleh Perdana Menteri. Oleh itu, pelbagai inisiatif dan alternatif dalam menghasilkan satu perancangan pembangunan luar bandar dimana ianya bergantung kepada sumber yang ada bagi menjadikan sumber-sumber semulajadi sebagai bahan asas utama di dalam pelbagai sektor di peringkat luar bandar. Maka, kajian ini diharapkan dapat memberikan ilmu pengetahuan yang baru khususnya kepada para pelajar serta menghasilkan idea-idea yang bernas dalam membantu negara melaksanakan matlamat pembangunan luar bandar melalui pencapaian dalam bidang, sektor dan industri masing-masing.

1.7 Susunan Bab

Kajian ini akan diatitkan berdasarkan kepada penekanan yang diberikan sebagaimana dalam **Jadual 1.2** :

Jadual 1.2 : Susunan Bab

Bab	Perkara
Bab 1	Pengenalan <ul style="list-style-type: none"> - Latarbelakang kajian yang mengandungi kenyataan permasalahan, matlamat kajian, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian.
Bab 2	Pembangunan Luar Bandar <ul style="list-style-type: none"> - Bab ini akan memberikan definisi-definisi penting, dasar dan program pembangunan luar bandar.
Bab 3	Metodologi kajian <ul style="list-style-type: none"> - Bab ini menerangkan mengenai kaedah-kaedah metodologi bagi kajian ini dimana kajian ini menggunakan kaedah kualitatif.
Bab 4	Pusat Transformasi Luar Bandar <ul style="list-style-type: none"> - Bab ini menerangkan tentang konsep pembangunan luar bandar yang diperkenalkan dibawah Pusat Transformasi Luar bandar (RTC). Selain dari penerangan mengenai inisiatif yang dijalankan di RTC Kelantan
Bab 5	Analisis Kajian <ul style="list-style-type: none"> - Bab ini merupakan analisis terhadap kes kajian yang meliputi maklumat dari pegawai serta peserta (penduduk) yang terlibat dalam RTC dan merangka strategi untuk menyelesaikan masalah tersebut.
Bab 6	Penemuan Kajian, Cadangan dan Kesimpulan <ul style="list-style-type: none"> - Bab terakhir ini pula menjelaskan berkenaan penemuan, membuat rumusan dan akhirnya membuat cadangan yang sewajarnya.

BIBLIOGRAFI

- 240 MID ditukar Mini RTC (2012, Mei 19). *Utusan Malaysia*. Diambil pada 2 Oktober 2012, , dari <http://www.utusan.com.my>
- Abdul Hamid Abdullah, Rahimah Abdul Aziz & Sulong Mohammad (1987): Development and Socio-cultural Changes in Rural Malaysia. *Akademika* 30, 29-48
- Azima Abdul Manaf dan Ismail Omar (2009). *Tanah Pertanian Terbiar*
- Barkley, David and Deboreh Markley (May 2001). *Nontraditional Sources of Capital for Rural America*. Rural America, Economic Research Service, USDA..
- Fatimah Mohd Arshad & Mad Nasir Shamsudin (1997), *Rural Development Model In Malaysia*. Fakulti of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan: *Rancangan Fizikal Negara ke- 2*.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2012). *Rural Transformation Centre [Brochure]. Malaysia*.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2012): *Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC)*. Diambil pada 3 Oktober, 2012. <http://www.rurallink.gov.my>
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak (2010): *Taklimat Pusat Pertumbuhan Desa (RGC)*
- Kevin J. Davis (1997). Office of Thrift Supervision. *Best Practices in Rural Development*. Bulletin Number 710.
- Ku Azril Ridzhie Bin Ku Ahmad Ezham (2003). *Cadangan rekabentuk rangka kerja bagi pemilihan kontraktor binaan*. Projek Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Mara sedia usahawan Kelantan pinjaman RM 34juta (2012, Mei 24). *Sinar Harian*. Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.sinarharian.com.my>
- Md Said @ Moh Zaid Abdullah dan Ismail Omar (2009), *Halangan Pembangunan Tanah, Kajian Kes : Pulau Duyong, Terengganu*.
- Minda Pengarang: Program Transformasi Luar Bandar rapatkan jurang sosioekonomi rakyat. (2011, Oktober 17). *Berita Harian*. Diambil pada 2 Oktober, 2012, dari <http://www.bharian.com.my>

- Mohd Koharuddin Bin Mohd Balwi (2005): *Pembangunan Luar bandar Di Malaysia: Gerakan Desa Wawasan (GDW) sebagai mekanisme pembangunan Masyarakat Luar bandar*. Journal Teknologi. Volume 42 (E), 31-48
- Nurul Ayumi Azman (2009). *Keberkesanan Dasar Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Dalam Rancangan Struktur Negeri Terengganu (RSNT). Kajian Kes: Kampung Penarik, Setiu*. Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Pusat Transformasi Luar Bandar di Bandar Baru Tunjong (2012, Mac 03). *Bernama*. Diambil pada 2 Oktober, 2012, dari <http://www.bharian.com.my>
- RM900 juta untuk pembangunan luar bandar. (2010, Mac 28). *Berita Harian*. Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.bharian.com.my>
- Robert Chambers (1995) *Rural Development: Putting the last first*: England: Prentice Hall
- RTC adalah fara terakhir pembangunan luar bandar-Najib Razak. (2012, Februari 18). *Berita Harian* Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.bharian.com.my>
- RTC bukti Kelantan tidak dipinggirkan-Mustapa. (2012, Mei 04). *Utusan Malaysia* Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.utusan.com.my>
- RTC jayakan agenda transformasi (2012, Mei 04). *Utusan Malaysia* Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.utusan.com.my>
- RTC Kelantan tingkat pendapatan penduduk (2012, Mei 05). *Utusan Malaysia*. Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.utusan.com.my>
- RTC Kota Baharu untuk manfaat masyarakat pertanian (2012, April 24). *Bernama*. Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.rtc.my>
- RTC nadi transformasi luar bandar. (2012, Februari 18). *Utusan Malaysia*. Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.utusan.com.my>
- RTC pusat pembidaan ternakan. (2012, April 16) *Sinar Harian*. Diambil pada 2 Oktober 2012, dari <http://www.sinarharian.com.my>
- Teks Ucapan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah(2012). YB Dato' Seri Haji Mohd Shafie Bin Haji Apdal. Mesyuarat Penyelarasab Pembangunan Daerah Siri Pertama.